

TEKS PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2022

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

dan salam sejahtera *the Navy People*.

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan **Selamat Menyambut Tahun Baharu 2022** kepada seluruh warga Tentera Laut Diraja Malaysia tidak kira di mana jua anda berada.
2. Syukur alhamdulillah, dengan berkat dan keizinanNya, kita telah berjaya mengharungi tahun 2021 yang sangat mencabar dengan penuh dedikasi dan kecekalan. **Syabas saya ucapkan!**
3. InsyaAllah, pada hari ini, saya akan mengimbas kembali beberapa pencapaian kita sepanjang tahun 2021, seterusnya menyampaikan keutamaan dan aspirasi TLDM bagi mengharungi cabaran di tahun 2022.

Warga *the Navy People* sekalian,

4. Tahun 2021 merupakan tahun yang amat mencabar buat seluruh rakyat Malaysia. Segala cabaran yang dilalui ini bukan sahaja menguji kekuatan kita secara individu, bahkan secara berpasukan, dalam menjamin kesejahteraan dan keharmonian negara. Namun, dalam mendepani pelbagai cabaran ini, ianya telah memberi peluang kepada kita untuk membuktikan **komitmen, daya tahan dan kecekapan** Tentera Laut Diraja Malaysia. **Tahun 2021 telah menuntut kita memberi 100% komitmen terhadap tugas kita dalam mempertahankan negara yang tercinta.**
5. Sebagai makluman, tahun 2021 menyaksikan kita, TLDM telah berjaya memenuhi **100%** keperluan operasi, yang merangkumi **7 Operasi Rutin**, dan **3 Operasi Berkala**, di Armada Barat, dan Armada Timur, serta Operasi Benteng di bawah kendalian National Task Force (NTF).
6. Pencapaian ini membuktikan Armada TLDM sentiasa siap siaga dan mampu memenuhi setiap tugas yang diberikan. Walau bagaimanapun, secara purata, kesiagaan aset kita masih berada di tahap yang **memuaskan sahaja dan belum mencapai sasaran yang telah ditetapkan**. Justeru, masih terdapat banyak ruang dan usaha yang perlu dipertingkatkan bagi memastikan kesiagaan aset kita mampu mencapai ke tahap yang terbaik.

7. Dalam usaha memastikan aset TLDM yang berdaya tahan atau *sustainable* yang berkemampuan untuk memenuhi keperluan operasi, beberapa program pembaikan telah dirancang dan dilaksanakan sepanjang tahun 2021 antaranya;

8. **Program Repowering** telah dilaksanakan ke atas **5 buah kapal** dan **3 bot tempur**, di mana hasil pelaksanaannya telah berjaya meningkatkan keupayaan kuasa gerak aset tersebut, ke tahap yang jauh lebih baik.

9. Selain itu, pelaksanaan **Obsolescence Program (OP)** ke atas KD PERKASA telah bermula pada 4 Ogos 2021 dan dijangka siap pada 31 Mei 2022. Program OP ini seterusnya dirancang untuk dilaksanakan ke atas KD PERDANA dan KD GANYANG pada pertengahan tahun ini.

10. Program-program ini bukan sahaja dapat meningkatkan kesiagaan dan keupayaan operasi Armada, malah menjadi inisiatif berkesan dalam menyokong langkah penjimatan sumber kewangan negara. InsyaAllah.

11. Dalam aspek pengurusan kewangan pula, pada tahun 2021, kita telah berjaya membelanjakan **100%** peruntukan yang diterima iaitu sebanyak **RM2.91 bilion**. Untuk tahun ini, TLDM diperuntukkan sebanyak **RM2.82 bilion** merangkumi RM1.62 billion bagi Belanja Mengurus (OE) dan RM 1.20 billion bagi Belanja Pembangunan (DE). Walaupun jumlah tersebut **berkurang sebanyak RM90 juta (3.1%)** berbanding tahun lalu, saya **mahukan setiap Pengurus PTJ** merangka strategi bagaimana untuk memastikan peruntukan ini dapat dibelanjakan secara lebih baik dan lebih berhemah.

12. Selaras dengan pelan pembangunan yang telah direncanakan, tahun 2021 telah menyaksikan kejayaan penerimaan beberapa aset baharu antaranya;

13. **Littoral Mission Ship (LMS) KD SUNDANG, KD BADIK dan RENCONG**. Dengan penerimaan LMS Keempat RENCONG pada 18 Disember yang lalu, TLDM telah berjaya memperoleh kesemua 4 kapal LMS yang dibina di China sejak tahun 2017. InsyaAllah, pentauliah RENCONG akan dilaksanakan pada 28 Januari tahun ini.

14. Selain itu, pada tahun 2021, kita turut menerima **6 buah Fast Combat Boat (FCB)** dan juga **3 buah Multi-Purpose Boat (MPB)**. Perolehan aset-aset ini secara tidak langsung meningkatkan keupayaan TLDM khususnya terhadap platform pemintas yang amat diperlukan dalam melaksanakan Op BENTENG bagi mengawal sempadan perairan negara. Syabas buat semua yang terlibat dalam memastikan kejayaan perolehan ini.

15. Pada pertengahan tahun ini pula kita bakal menerima beberapa lagi aset baharu antaranya **3 buah Helikopter Operasi Maritim (HOM)**. Alhamdulillah, perkembangan terkini projek HOM ini amat positif di mana kesemua helikopter telah berada di fasa akhir pembinaan.

16. Selain itu, **5 buah Bot Divers RHIB** juga akan diterima secara berperingkat pada tahun ini. Dengan adanya aset-aset ini, diharap ia akan dapat meningkatkan lagi keupayaan TLDM bagi memenuhi keperluan operasi, khususnya operasi menyelam.

Warga the Navy People sekalian,

17. Selain dari kejayaan-kejayaan tersebut, tahun 2021 turut menyaksikan peningkatan aspek modal insan di mana seramai **441 pegawai** dan **2020 anggota** telah berjaya dinaikkan pangkat. Saya percaya, kejayaan ini terhasil daripada komitmen dan sokongan penuh semua pihak, termasuk ahli keluarga yang sentiasa cekal berdiri teguh bersama kita selama ini. **Syabas!**

18. Penghargaan juga ditujukan kepada organisasi BAKAT Laut kerana telah memainkan peranan dalam memberi khidmat kebajikan kepada ahli keluarga *the Navy People*. Marilah kita terus memperkasakan organisasi ini bagi memangkin kesejahteraan TLDM di masa hadapan. InsyaAllah.

19. Menyorot kembali setiap cabaran yang dilalui dan kejayaan di tahun 2021, saya rangkumkan pencapaian kita kini berada di tahap yang **baik**. Walaupun terdapat sedikit peningkatan berbanding tahun sebelumnya, kita janganlah terlalu cepat berpuas hati. Masih terdapat banyak ruang yang perlu dipertingkatkan bagi menjamin kesinambungan kecemerlangan TLDM di masa hadapan.

20. Justeru, bagi menghadapi tahun 2022, saya menyeru setiap warga *the Navy People* untuk terus memberi keutamaan terhadap **Empat Teras Utama** **Ukhuwah, Ihsan, Tawakkul dan Keimanan** TLDM yang telah dipaparkan dalam

21. **Yang Pertama, Mengekalkan Keutamaan Kepada Kesiagaan Armada TLDM.** Walaupun berdepan dengan cabaran mengoperasikan aset berusia atau *ageing asset*, saya dan barisan kepimpinan TLDM akan terus berusaha memastikan segala perancangan peningkatan kesiagaan dapat dilaksanakan dan mendapat sokongan terutamanya daripada pihak kerajaan agar kita mampu beroperasi seperti yang diperlukan.

22. **Kedua, Meneruskan Kelangsungan Pembangunan Armada TLDM Sesuai Perancangan Program Transformasi TLDM 15to5.** Bagi menentukan kesinambungan Transformasi TLDM diteruskan, beberapa projek dirancang dilaksanakan pada tahun 2022 seperti:

- Perolehan 13 Buah *Fast Combat Boat* (FCB).
- Perolehan Kelengkapan Sub-sistem Persenjataan Anti-Permukaan dan Anti-Kapal Selam.
- Perolehan 3 x *Fire Control System*.
- Perolehan 4 x *Compression Chamber*.
- Pembangunan Pusat Latihan Udara TLDM (PLUT) di Sitiawan.
- Penggantian Pelbagai Kenderaan TLDM.
- Pembinaan Bangunan Tambahan Wisma Laskar di PTKK. **dan;**
- Pembinaan Pagar Keselamatan di KD SRI SEMPORNA.

23. **Yang Ketiga, Memperkasakan Integrasi dan Sokongan Kepada Aspek Kebersamaan.** Aspek ini boleh diperkasakan melalui pelbagai kaedah seperti mempertingkatkan pelaksanaan eksekutif. InsyaAllah, pada tahun ini, kita bakal menyertai eksekutif berskala besar seperti Eksekutif RIMPAC, Eksekutif MILAN, Eksekutif KAKADU, Eksekutif BERSAMA SHIELD serta beberapa eksekutif lain yang dirancang diadakan di dalam dan luar negara.

24. **Dan yang Keempat, Meneruskan Penyediaan Modal Insan Terbaik untuk Memenuhi Keperluan Masa Hadapan.** Bagi memenuhi keperluan ini, kompetensi warga *the Navy People* khususnya Pegawai Muda perlu terus ditambahbaik. Saya tegaskan sekali lagi, **aspek kompetensi ini amat-amat penting** dan perlu diberi perhatian sewajarnya. Rancang setiap latihan dengan teliti, spesifik dan menyeluruh sesuai dengan perkembangan teknologi supaya kita mampu mencapai *standard* yang diingini. Barisan pemerintah disaran untuk sentiasa “turun padang” bagi memantau kompetensi warga masing-masing. Jangan kita biarkan generasi TLDM akan datang ini bergerak tanpa bimbingan yang sewajarnya.

25. Bagi memperkemaskan keempat-empat keutamaan tersebut, saya juga mahukan fokus diberikan dalam **menambah baik sistem tadbir urus dan pembangunan polisi serta doktrin.** Jadikan **Peta Strategik 2021-2025 (PS 2125)** sebagai panduan utama untuk kita mengukur, menggerak seterusnya memacu TLDM ke arah kecemerlangan.

Warga *the Navy People* sekalian,

26. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan rasa dukacita dan simpati kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya ahli keluarga *the Navy People* yang terkesan dengan tragedi banjir baru-baru ini. Percayalah, setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya. Semoga ujian ini dapat dihadapi dengan penuh ketabahan dan kesabaran.

27. Saya berharap pengalaman ini dijadikan iktibar untuk kita semua menjadi lebih bersatu-padu dan responsif dalam menghadapi sebarang cabaran tak terjangka di kemudian hari.

28. Sekali lagi, terima kasih buat seluruh warga *the Navy People* atas komitmen, keazaman dan semangat berpasukan tinggi yang telah ditunjukkan selama ini.

29. Semoga Tentera Laut Diraja Malaysia akan terus diberkati, dirahmati dan cemerlang menempuh 2022. Sekian,

وبالله توفيق والحداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Selamat Tahun Baharu dan Sedia Berkorban.